



POLISI PENILAIAN PROFESIONAL LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

POLISI PENILAIAN PROFESIONAL LEMBAGA TEKNOLOGIS MALAYSIA

- 1. PERMOHONAN MENJALANI PENILAIAN PROFESIONAL**
- 2. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN MENJALANI PENILAIAN PROFESIONAL**
- 3. FI PENILAIAN PROFESIONAL**
- 4. KAEDAH PENILAIAN PROFESIONAL**
- 5. KEPUTUSAN PENILAIAN PROFESIONAL**
- 6. PERMOHONAN PERTUKARAN BIDANG TEKNOLOGI**
- 7. RAYUAN**

PENILAIAN PROFESIONAL

1. PERMOHONAN MENJALANI PENILAIAN PROFESIONAL

1.1 Permohonan dari kalangan Teknologis Berijazah yang berhasrat menjalani Penilaian Profesional bagi tujuan untuk didaftarkan sebagai Teknologis Profesional hendaklah mengemukakan permohonannya kepada Lembaga dalam borang yang dinyatakan dalam laman sesawang Lembaga dan disertakan dengan fi Penilaian Profesional seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Teknologis dan Juruteknik (Fi) 2017.

1.2 Permohonan dari kalangan Juruteknik Berkelayakan yang berhasrat menjalani Penilaian Profesional bagi tujuan untuk didaftarkan sebagai Juruteknik Bertauliah hendaklah mengemukakan permohonannya kepada Lembaga dalam borang yang dinyatakan dalam laman sesawang Lembaga dan disertakan dengan fi Penilaian Profesional seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Teknologis dan Juruteknik (Fi) 2017.

2. SYARAT-SYARAT MENJALANI PENILAIAN PROFESIONAL

2.1 Permohonan dari kalangan Teknologis Berijazah hendaklah memiliki pengalaman dalam perkhidmatan teknikal dan teknologi di bawah seksyen 16(b) Akta 768 iaitu pembangunan produk, pembuatan produk, pengujian produk, pentauliah produk dan penyenggaraan produk dalam bidang teknologi yang diiktiraf Lembaga bagi tempoh sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun**.

2.2 Permohonan dari kalangan Juruteknik Berkelayakan hendaklah memiliki pengalaman dalam perkhidmatan teknikal dan teknologi di bawah seksyen 16(a) Akta 768 iaitu , pengujian produk, pentauliah produk dan penyenggaraan produk dalam bidang teknologi yang diiktiraf Lembaga bagi tempoh sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun**.

FI PENILAIAN PROFESIONAL

3. (1) Fi Penilaian Profesional seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Teknologis dan Juruteknik (Fi) 2017:

Kategori Penilaian	Pemprosesan (RM)	Penilaian (RM)
Teknologis Profesional	100	500
Juruteknik Bertauliah	50	250

4. KAEADAH PENILAIAN PROFESIONAL

4.1 Penilaian dibuat berdasarkan lima kriteria merangkumi pengetahuan dan pemahaman, aplikasi amalan, kepimpinan dan pengurusan, kemahiran interpersonal dan kelakuan profesional.

4.2 Seseorang Teknologis Berijazah perlu lulus di bawah seksyen 21(3) Akta ini untuk layak didaftarkan sebagai Teknologis Profesional. Kaedah penilaian adalah terdiri daripada:

(a) kertas bertulis melalui MBOT Professional Curriculum Vitae yang merangkumi maklumat berikut:

- (i) *personal particulars*
- (ii) *academic qualification & competency-based qualification in related technology and technical*
- (iii) *professional affiliation*
- (iv) *work experience related in technology field*
- (v) *technology-related professional experience*
- (vi) *code of professional conduct*
- (vii) *self-assessment*
- (viii) *reference*
- (ix) *technology and technical experience report (TER)*

(b) temu duga profesional yang dikendalikan oleh tidak kurang daripada dua orang penilai yang dilantik oleh Lembaga;

ATAU

sebarang bentuk kaedah penilaian lain yang ditentukan oleh Lembaga.

4.3 Seseorang Juruteknik Berkelayakan perlu lulus di bawah seksyen 22(3) Akta 768 untuk layak didaftarkan sebagai Juruteknik Berkelayakan. Kaedah penilaian adalah terdiri daripada:

(a) kertas bertulis melalui MBOT Professional Curriculum Vitae yang merangkumi maklumat berikut:

- (i) *personal particulars*
- (ii) *academic qualification & competency-based qualification in related technology and technical*
- (iii) *professional affiliation*
- (iv) *work experience related in technology field*
- (v) *technology-related professional experience*
- (vi) *code of professional conduct*
- (vii) *self-assessment*
- (viii) *reference*
- (ix) *technology and technical experience report (TER)*

(b) temu duga yang dikendalikan oleh tidak kurang daripada dua orang penilai yang dilantik oleh Lembaga;

ATAU

sebarang bentuk kaedah penilaian lain yang ditentukan oleh Lembaga.

5. KEPUTUSAN PENILAIAN PROFESIONAL

5.1 Seseorang Teknologis Berijazah yang telah menjalani Penilaian Profesional dan telah diperaku oleh Lembaga akan keputusan penilaian bagi pengiktirafan Teknologis Profesional perlu membuat bayaran fi Pendaftaran Profesional seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Teknologis dan Juruteknik (Fi) 2017.

5.2 Seseorang Juruteknik Berkelayakan yang telah menjalani Penilaian Profesional dan telah diperaku oleh Lembaga akan keputusan penilaian bagi pengiktirafan Juruteknik Bertauliah perlu membuat bayaran fi Pendaftaran Profesional seperti yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan Teknologis dan Juruteknik (Fi) 2017.

6. PERMOHONAN PERTUKARAN BIDANG TEKNOLOGI

6.1 Seseorang Teknologis Profesional (Ts.) yang berhasrat menukar bidang teknologi hendaklah melalui kaedah Penilaian Profesional semula tertakluk kepada fi Penilaian Profesional.

6.2 Seseorang Juruteknik Bertauliah (Tc.) yang berhasrat menukar bidang teknologi hendaklah melalui kaedah Penilaian Profesional semula tertakluk kepada fi Penilaian Profesional.

7. RAYUAN

7.1 Seseorang yang telah ditolak pendaftarannya sebagai Teknologis Profesional oleh Lembaga boleh mengemukakan rayuan dalam tempoh tiga puluh hari daripada penerimaan pemberitahuan keputusan Lembaga.

7.2 Seseorang yang telah ditolak pendaftarannya sebagai Juruteknik Bertauliah oleh Lembaga boleh mengemukakan rayuan dalam tempoh tiga puluh hari daripada penerimaan pemberitahuan keputusan Lembaga.